

Ya. Saya ingin menerima Kad Kredit Hong Leong berikut apabila Pinjaman Gadai Janji atau Pinjaman Kereta Hong Leong saya diluluskan:

Pinjaman Gadai Janji Hong Leong  Pinjaman Kereta Hong Leong

**Kad Kredit\*:**

(i)  Hong Leong Infinite (Visa)

Hong Leong Infinite Doctor's Edition (Visa)

No. Kad Malaysia Airlines Enrich.

| M | H | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | |

Perhatian: Jika anda bukan ahli Enrich, anda secara automatik akan didaftarkan sebagai ahli selepas kad kredit diluluskan. Alamat emel adalah wajib.

(ii)  Sutera Platinum (Visa)

GSC Platinum (Visa)

(iii)  Essential (Visa)

WISE Gold (Visa)

GSC Gold (Visa)

I'm (Visa)

**Bahagian A Butir-butir Diri Anda**

Dr  Tuan  Puan  Cik  Lain-lain \_\_\_\_\_

Nama Penuh (mengikut KP/Pasport) (sila garis bawah nama keluarga)

Nama Tertera pada Kad (tidak lebih daripada 19 huruf)

Jantina  Lelaki  Perempuan

No. KP/Pasport Baru

No. KP Lama

Pemastautin Tetap Negara Lain  Tidak  Ya

Negara Pemastautin Tetap  Malaysia  Lain-lain (sila namakan) \_\_\_\_\_

Tarikh Lahir (hh/bb/tttt)

Bangsa  Melayu  Cina  India  Pribumi  Lain-lain

Kewarganegaraan  Malaysia  Lain-lain (sila namakan) \_\_\_\_\_

Duduk di Malaysia lebih daripada 182 hari (dalam setahun kalendar)  Ya  Tidak

Negara Pengeluar Pasport

Tarikh dikeluarkan Pasport

Tarikh luput Pasport

Taraf Perkahwinan  Bujang  Janda/Duda  Berkahwin  Bercerai

Bilangan Tanggungan

**Bahagian B Kediaman Anda**

Alamat Rumah

Poskod Bandaraya

Negeri Negara

Jenis Kediaman  Milik Sendiri  Sewa  Milik Majikan  Milik Ibu Bapa

Tempoh Menetap

No. Tel. Rumah No. Tel. Bimbit

Alamat Emel (mandatori)

**Notis Penting:**
**Penyata Kad Kredit**

Semua pelanggan kad kredit baharu yang diluluskan akan didaftarkan secara automatik untuk menerima penyata emel.

Saya memilih penyata bercetak dan bersetuju untuk dicaj fi penyata bercetak seperti dipaparkan di Fi & Caj di laman web HLB.

Fi penyata bercetak akan dikecualikan secara automatik bagi pelanggan yang berumur 60 tahun dan ke atas. Sila hubungi kami jika anda mempunyai sebarang keperluan khas dan memerlukan pengecualian fi. Dokumen sokongan mungkin diperlukan dalam pemrosesan permohonan.

Pelanggan sedia ada yang ingin menukar alamat emel mereka untuk menerima penyata emel hendaklah mengemaskini alamat emel melalui Hong Leong Connect.

**Notifikasi Amaran Transaksi**

Untuk Keselamatan anda, Hong Leong Bank (HLB) akan memberitahu anda melalui Aplikasi HLB Connect atau SMS (Khidmat Pesanan Ringkas) dihantar kepada nombor telefon bimbit berdaftar anda tentang transaksi tertentu yang dibuat menggunakan kad kredit HLB anda. Anda boleh pilih untuk menetapkan amaun ambang pemberitahuan Paparan Notifikasi melalui Aplikasi HLB Connect atau SMS yang anda suka dengan cara memuat turun borang di [www.hlb.com.my/ccf](http://www.hlb.com.my/ccf) dan serahkan borang yang diisi kepada kami melalui emel atau di cawangan berdekatan.

**Kod HLB Connect**

Nota: Untuk pelanggan baharu Hong Leong, nombor telefon bimbit anda akan didaftarkan secara automatik untuk menerima Kod HLB Connect yang diperlukan untuk melengkapkan transaksi terpilih melalui HLB Connect (Perbankan Dalam Talian). Untuk pelanggan Hong Leong sedia ada, Kod HLB Connect akan dihantar ke nombor telefon bimbit sedia ada yang telah didaftar dengan bank.

Alamat e-mel dan nombor telefon bimbit adalah ruang wajib dan ia akan digunakan oleh Bank untuk penghantaran surat-menyurat kepada anda, seperti penyata elektronik/surat akaun dan notis. Anda boleh menyemak atau mendapatkan semula surat-menyurat atau penyata elektronik tersebut melalui Hong Leong Connect (Perbankan Dalam Talian) pada bila-bila masa, tertakluk kepada tempoh ketersediaan dalam talian. Sila rujuk laman web kami di [www.hlb.com.my](http://www.hlb.com.my) untuk bayaran dan caj bagi produk dan perkhidmatan kami.

**Transaksi Pembelian Dalam Talian**

Apabila anda membuat pembelian dalam talian dengan Kad Kredit HLB, anda akan menerima OTP (One-Time Password) 6-digit dengan salah satu cara berikut:

(i) Melalui Kad OTP dalam Aplikasi HLB Connect (jika anda sudah berdaftar) atau

(ii) Melalui SMS (jika anda tidak berdaftar dalam Aplikasi HLB Connect)

Untuk menyelesaikan pembelian dalam talian anda:

(i) Semak OTP anda dalam Aplikasi HLB Connect atau SMS

(ii) Masukkan kod 6 digit pada halaman pembayaran peniaga

Penting: Jangan sekali-kali berkongsi OTP anda dengan sesiapa. Ia adalah untuk kegunaan anda sendiri sahaja.

**Bahagian C** Maklumat Pekerjaan Anda

Jenis Pekerjaan

- Bekerja Sendiri dengan Pekerja
- Bekerja Sendiri Tanpa Pekerja
- Pekerja Kerajaan/Kakitangan Awam
- Pekerja Sektor Swasta
- Pesara/Suri Rumah

Nama Syarikat

No. Pendaftaran Syarikat (bagi bekerja sendiri)

Alamat Pejabat

Poskod Bandaraya

Negeri Negara

No. Tel. Pejabat No. Sambungan

Pekerjaan

Sektor Pekerjaan

Pendapatan Kasar Tahunan RM

Pendapatan Lain Tahunan RM

Tempoh Perkhidmatan  BB  TT

Nama Majikan Dahulu (jika bekerja kurang daripada 1 tahun dalam jawatan sekarang)

Tempoh Perkhidmatan  BB  TT

**Bahagian D** Alamat Surat-menyurat Anda (mandatori)

- Rumah
- Pejabat

**Bahagian E** Penyerahan Kad Kredit

- Rumah
- Pejabat

**Bahagian F** Arahan Bayaran Bulanan

Dengan ini saya membenarkan Hong Leong Bank untuk mendebit Akaun Simpanan/Semasa saya setiap bulan bagi pembayaran Kad Kredit Hong Leong saya satu (1) hari sebelum Tarikh Matang Bayaran\*. Saya faham dan setuju bahawa saya bertanggungjawab terhadap segala caj lewat, penalti dan fi, biar bagaimana pun bertanggung, menurut Perjanjian Pemegang Kad berkenaan jika bayaran baki belum jelas di bawah Kad Kredit Hong Leong saya tidak dapat dibuat selewat-lewatnya Tarikh Matang Bayaran.

\*Harap ambil ingatan bahawa Akaun Kad Kredit Hong Leong akan dikreditkan pada hari kalendar berikutnya selepas percubaan berjaya.

No. Akaun: --

Bagi:  Bayaran Minimum  Bayaran Penuh

**Bahagian G** Kad Kredit Tambahan

- Dr
- Tuan
- Puan
- Cik
- Lain-lain \_\_\_\_\_

Nama Penuh (mengikut KP/Pasport) (sila garis bawah nama keluarga)

Nama Tertera pada Kad (tidak lebih daripada 19 huruf)

Jantina  Lelaki  Perempuan

No. KP/Pasport Baru No. KP Lama

Pemastautin Tetap Negara Lain  Tidak  Ya

Negara Pemastautin Tetap  Malaysia  Lain-lain (sila namakan)

Tarikh Lahir (hh/bb/tttt)

Bangsa  Melayu  Cina  India  Pribumi  Lain-lain

Kewarganegaraan  Malaysia  Lain-lain (sila namakan)

Duduk di Malaysia lebih daripada 182 hari (dalam setahun kalendar)  Ya  Tidak

Negara Pengeluar Pasport

Tarikh dikeluarkan Pasport Tarikh luput Pasport

Pertalian dengan Pemohon Kad Utama

Alamat Rumah

Poskod Bandaraya

Negeri Negara

Alamat Emel (mandatori)

No. Tel. Rumah

No. Telefon Bimbit

Pekerjaan

Nama Syarikat

Alamat Pejabat

Poskod Bandaraya

Negeri Negara

Jenis Pekerjaan

- Bekerja Sendiri dengan Pekerja
- Bekerja Sendiri Tanpa Pekerja
- Pekerja Kerajaan/Kakitangan Awam
- Pekerja Sektor Swasta
- Pesara/Suri Rumah

Sektor Pekerjaan

Sektor Industri

Pendapatan Kasar Tahunan RM

Pendapatan Lain Tahunan RM

Had Kredit

- Pemohon Kad Tambahan akan berkongsi 100% had kredit saya
- Had Kredit yang diperuntukkan untuk Pemohon Kad Tambahan:

RM

Perhatian: Semua baki tertunggak atau amaun tak berbayar dalam akaun Kad Tambahan dalam sesuatu bulan akan dipindahkan kepada akaun Pemegang Kad Utama pada tarikh penyata berikutnya, selepas itu had kredit yang diperuntukkan itu akan dikembalikan semula sewajarnya.

**Bahagian H** Kemudahan Pembiayaan Anda Yang Lain (Bukan Bank)

Adakah anda pelanggan Hong Leong sedia ada?  Ya  Tidak

Bil.	Jenis Kemudahan	Amaun Pinjaman/ Pembiayaan	Ansuran/Bayaran Balik
1.			
2.			
3.			

## Bahagian I Kad Kredit yang Dijamin dengan Deposit Tetap

- Saya ingin memohon Kad Kredit dan/atau Kad Kredit Tambahan termasuk kad yang lain pada masa hadapan dengan mencagarkan deposit tetap kepada Bank sebagai jaminan.

No. Sijil Deposit Tetap \_\_\_\_\_

Amaun Deposit Tetap RM \_\_\_\_\_

Tarikh Deposit Tetap \_\_\_\_\_

### Informasi Penting:

1. Pemegang Kad hendaklah membuka dan meletakkan deposit tetap (FD) dari jumlah minimum RM2,000 sehingga jumlah maksimum RM50,000 dengan Bank dan mencagarkan FD tersebut sebagai jaminan Had Kredit. Had Kredit yang Ditetapkan untuk Kad Kredit yang Dijamin adalah berdasarkan pada jumlah FD yang dicagarkan pada nisbah 1: 1.
2. FD anda akan tersedia untuk pengeluaran empat belas (14) hari selepas semua Kad Kredit HLB bercagar anda ditamatkan DAN setelah penyelesaian keseluruhan baki tertunggak di bawah semua Kad Kredit HLB bercagar anda, mana yang kemudian.

## Bahagian J HONG LEONG Credit Shield Premier (CSP) [Pilihan]

CSP ialah produk insurans hayat yang ditaja jamin oleh Hong Leong Assurance (HLA) yang menyediakan perlindungan sekiranya berlaku kematian, Hilang Keupayaan Menyeluruh dan Kekal (TPD), atau Hilang Keupayaan Menyeluruh Sementara (TTD), ditawarkan pada premium bulanan RM0.65 setiap RM100.00 daripada jumlah baki tertunggak kad kredit.

- Saya dengan ini mengesahkan bahawa saya telah membaca dan memahami sepenuhnya kandungan Risalah Pendedahan Produk Hong Leong Credit Shield Premier (CSP) dan bersetuju untuk membeli Hong Leong Credit Shield Premier.

### Pengisytiharan untuk Kelayakan

- Saya tidak pernah, atau pernah dirawat atau mempunyai sebarang tanda diabetes, tekanan darah tinggi, sakit dada, penyakit jantung, strok, penyakit buah pinggang, gangguan mental, kanser atau sebarang kecacatan atau kecacatan fizikal; AIDS atau komplikasi berkaitan AIDS.

### Klausula Persetujuan PDPA

- Saya mengesahkan pendaftaran saya untuk Hong Leong Credit Shield Premier dan dengan ini bersetuju dengan perkara berikut:

1. Pengumpulan maklumat peribadi saya untuk tujuan memproses permohonan ini.
2. HLBB berkongsi data peribadi saya (iaitu, nama, NRIC, nombor kad kredit, butiran hubungan) kepada Hong Leong Assurance Berhad (HLA) untuk tujuan memproses permohonan ini dan komunikasi masa hadapan dengan saya.
3. Perkongsian dan pendedahan maklumat peribadi saya mengenai permohonan ini kepada mana-mana pihak ketiga atau organisasi terpilih yang dikaitkan dengan HLA untuk tujuan memproses permohonan ini dan untuk komunikasi masa hadapan dengan saya.
4. Saya mengakui bahawa salinan Dasar Privasi HLA tersedia di laman web HLA ([www.hla.com.my](http://www.hla.com.my)) dan saya telah dinasihatkan untuk membaca Notis HLA mengenai Data Peribadi.

## Bahagian K Deklarasi

Saya/Kami dengan ini,

- (a) mengesahkan dan bersetuju bahawa Hong Leong Bank Berhad ("HLB") dibenarkan untuk menentusahkan maklumat yang diberikan kepada HLB daripada apa jua sumber dan cara yang dianggap wajar;
- (b) bersetuju untuk terikat dengan Perjanjian Pemegang Kad HLB dan terma Kad Kredit yang mungkin dipinda dari semasa ke semasa dengan memberikan notis terlebih dahulu bersama alasan yang sah melalui Laman Web HLB atau kaedah lain, berkuat kuasa pada tarikh yang ditentukan oleh HLB;
- (c) mengesahkan dan memahami bahawa permohonan saya/kami adalah tertakluk kepada kelulusan HLB;
- (d) mengisytiharkan dan mengesahkan bahawa pinjaman saya/kami daripada segala sumber di dalam Malaysia tidak melebihi jumlah keseluruhan RM200,000 (untuk bukan warganegara Malaysia sahaja);
- (e) mengisytiharkan dan mengesahkan bahawa saya/kami memahami dengan jelas di mana saya/kami telah menghantar Borang Permohonan Kad Kredit kepada HLB melalui e-mel, saya/kami setuju bahawa salinan borang permohonan yang diimbas hendaklah dianggap salinan asal untuk tujuan pemrosesan, mengandungi segala butiran benar dan tepat dan bahawa salinan borang permohonan yang diimbas tersebut dan segala transaksi kad berbangkit berkaitan dengan hal itu adalah sah dan mengikat ke atas diri saya/kami, namun biarpun begitu, saya/kami akan simpan Borang Permohonan Kad Kredit bertandatangan asal pada setiap masa dan menyerahkannya kepada HLB apabila diminta;

- (f) mengesahkan dan bersetuju bahawa ketepatan maklumat yang diberikan adalah penting. Walaupun HLB akan bertanggungjawab ke atas sebarang kerugian atau perbelanjaan yang disebabkan oleh ketidaktepatan atau salah nyata pihak-pihak sendiri, saya/kami akan bertanggungjawab ke atas sebarang tunggakan, kerugian, atau perbelanjaan yang ditanggung oleh HLB akibat ketidaktepatan atau salah nyata dalam maklumat yang saya/kami berikan kepada HLB.

### Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 ("FSA") dan Garis Panduan BNM mengenai Transaksi Kredit dan Pendedahan dengan Pihak-pihak Terkait ("Garis Panduan")

Untuk membolehkan HLB mematuhi FSA dan Garis Panduan tersebut, saya/kami akan membuat akuan kepada HLB sama ada saya/kami adalah satu pihak terkait di bawah Garis Panduan itu, yang meliputi tetapi tidak terhad kepada, pasangan, anak, ibu atau bapa atau tanggungan kewangan Pengarah HLB, Pegawai Eksekutif atau pegawai pelulus/penaksir/penyemak kredit atau dalam hal pelanggan korporat/perniagaan, meliputi entiti yang dikawal oleh orang-orang HLB yang tersebut tadi. Jika pada bila-bila masa saya/kami menjadi orang terkait saya/kami mestilah serta-merta memberitahu HLB secara bertulis. HLB berhak menamatkan Kemudahan Kredit itu sekiranya saya/kami gagal membuat akuan yang wajar atau betul, sehingga menyebabkan HLB melanggar FSA atau Garis Panduan tersebut.

### Pernyataan dan Jaminan atas Pemrosesan Maklumat Peribadi

Dengan ini saya/kami membuat pernyataan dan memberi jaminan bahawa saya/kami telah mendapatkan keizinan semua pihak yang dinamakan dalam permohonan saya/kami bagi kad kredit atau apa-apa dokumen lain dikemukakan kepada HLB sebagai sokongan kepada permohonan tersebut dan/atau wakil dibenarkan mereka, termasuk tetapi tidak terhad kepada pengarah saya/kami, pemegang saham, penandatangan dibenarkan atau mana-mana orang lain yang disebut oleh HLB ("Subjek Data Berkeajaan") untuk pengumpulan, penyimpanan dan penggunaan maklumat peribadi Subjek Data Berkeajaan oleh HLB menurut Notis Privasi HLB sebagaimana yang mungkin dipinda dari semasa ke semasa.

### Notis Dasar Pertukaran Asing – Deklarasi dan Pengakuan

- Saya/Kami dengan ini mengisytiharkan bahawa maklumat yang diberikan dalam dokumen ini, adalah benar dan tepat dan mematuhi Notis Dasar Pertukaran Asing.
- Saya/Kami bertanggungjawab sepenuhnya terhadap sebarang maklumat yang tidak tepat, tidak benar atau maklumat yang diberikan tidak lengkap.
- Saya/Kami dengan ini memberi kebenaran pihak Bank menyerahkan maklumat ini kepada BNM bagi mematuhi Notis Dasar Pertukaran Asing.
- Saya/Kami dengan ini memberi aku janji untuk memaklumkan kepada pihak HLB sekiranya terdapat sebarang perubahan terhadap maklumat yang dinyatakan di sini.
- Saya/Kami telah dimaklumkan bahawa maklumat mengenai Notis Dasar Pertukaran Asing juga terdapat di Laman Web HLB untuk rujukan saya/kami.

### Perakuan dan Persetujuan Privasi Data Pelanggan

Saya/Kami dengan ini,

- (a) mengisytiharkan bahawa semua maklumat yang diberikan kepada HLB adalah lengkap, benar dan betul dan akan segera memaklumkan HLB tentang sebarang perubahan maklumat ini;
- (b) mengesahkan bahawa saya/kami telah membaca dan bersetuju dengan Notis Privasi HLB\* yang mungkin berbeza dari semasa ke semasa. Salinan Notis Privasi disediakan apabila diminta atau boleh didapati di Laman Web HLB. \*"Notis Privasi" bermaksud dasar dan prinsip HLB yang berkaitan dengan pengumpulan, penggunaan dan penyimpanan maklumat peribadi individu dan entiti yang sedia ada dan yang berpotensi yang berurusan dengan HLB sebagaimana yang dipinda dari semasa ke semasa dan disediakan di Laman Web Bank atau dalam cara yang difikirkan sesuai oleh HLB dari semasa ke semasa. Untuk membaca dan memahami lebih lanjut tentang Notis Privasi HLB, sila rujuk Laman Web HLB;
- (c) mengisytiharkan bahawa menurut Akta Agensi Pelaporan Kredit 2010 ("CRA"), saya/kami, yang bertandatangan di bawah ini, dengan ini tanpa boleh ditarik balik dan secara tanpa syarat memberi kebenaran kepada CTOS Data Systems Sdn Bhd, Experian Information Services (Malaysia) Sdn. Bhd (sebelumnya dikenal sebagai RAM Credit Information Sdn Bhd), Credit Bureau Malaysia Sdn Bhd, FIS Data Reference Sdn Bhd, BASIS Corporation Sdn Bhd dan Dun & Bradstreet Malaysia Sdn Bhd (masing-masing dirujuk sebagai "Agensi Pelaporan Kredit" dan secara kolektif, "Agensi-agensi Pelaporan Kredit") untuk memproses dan mendedahkan apa-apa maklumat peribadi saya/kami, maklumat syarikat/perniagaan saya/kami (jika berkenaan) dan maklumat kredit (seperti yang ditakrifkan dalam CRA), termasuk maklumat kredit di mana saya/kami adalah pemohon bersama atau dengan siapa saya/kami dikaitkan atau telah dikaitkan dan terdapat dalam rekod Agensi Pelaporan Kredit atau sebarang maklumat dalam rekod Biro Kredit, Bank Negara Malaysia ("BNM") (termasuk sebarang pangkalan data atau sistem yang dibentuk oleh BNM atau mana-mana pihak berkuasa atau badan kerajaan atau kawal selia, Cagamas Berhad dan/atau Credit Guarantee Corporation Malaysia Berhad, Lembaga Hasil Dalam Negeri atau mana-mana pihak berkuasa pada bila-bila masa seperti yang difikirkan sesuai oleh HLB (secara kolektif dirujuk sebagai "Maklumat Kredit") kepada HLB bagi tujuan yang termasuk tetapi tidak terhad kepada yang disenaraikan dalam Notis Privasi HLB yang disediakan apabila diminta atau pada Laman Web HLB;
- (d) mengisytiharkan bahawa berhubung dengan Persetujuan yang diberikan di sini, saya/kami dengan ini memberi kebenaran kepada HLB untuk memberi maklumat peribadi saya/kami dan syarikat/perniagaan saya/kami (jika berkenaan) kepada Agensi Pelaporan Kredit yang berkenaan, seperti yang diperuntukkan di bawah, untuk membolehkan Agensi Pelaporan Kredit memberi saya/kami dengan pemberitahuan yang berkaitan seperti yang diperlukan di bawah CRA;

- (e) bersetuju dan mengesahkan bahawa saya/kami tidak akan mempertanggungjawabkan HLB atas:
- (i) Sebarang pernyataan, salah nyata, ketidaktepatan atau peninggalan apa-apa jenis atau cara yang terkandung dalam Maklumat Kredit, rekod dan/atau laporan kredit yang diberikan kepada HLB oleh Agensi Pelaporan Kredit yang berkaitan;
  - (ii) Kebergantungan HLB terhadap Maklumat Kredit, rekod dan/atau laporan kredit yang telah disediakan oleh Agensi Pelaporan Kredit yang berkenaan dalam membuat keputusan berhubung dengan permohonan saya/kami untuk kemudahan kredit dan kemudahan berkaitan kredit atau produk atau perkhidmatan HLB yang lain; dan
  - (iii) Sebarang pendedahan Maklumat Kredit saya/kami oleh Agensi Pelaporan Kredit yang berkenaan kepada mana-mana pelanggan Agensi Pelaporan Kredit yang lain berhubung dengan perkhidmatan pelaporan kredit yang disediakan.
- (f) mengisytiharkan bahawa Persetujuan ini hendaklah tanpa prasangka terhadap klausa lain dalam perjanjian yang mentadbir syarat-syarat kredit dan berkaitan kredit atau produk atau perkhidmatan HLB lain yang saya/kami telah memohon di sini dan hendaklah kekal sah dan mengikat terhadap saya/kami selagi saya/kami kekal menjadi pelanggan HLB dan/atau penyedia perkhidmatan/vendor luar HLB (jika berkenaan);
- (g) tanpa boleh ditarik balik memberi kuasa dan membenarkan HLB, para pegawai dan pekerjaannya untuk mendedahkan dan memberikan semua maklumat saya/kami berkaitan permohonan ini, akaun semasa dan masa depan dan apa-apa perkara lain yang berkaitan dengan saya/kami atau syarikat/perniagaan dan operasi saya/kami (jika berkenaan) kepada orang/entiti yang dinamakan dalam Notis Privasi HLB yang diperlukan untuk penyediaan produk/perkhidmatan kewangan atau untuk mematuhi sebarang keperluan undang-undang atau kontrak. Saya/Kami dengan ini dan tanpa boleh ditarik balik bersetuju dengan pendedahan tersebut dan mengesahkan bahawa kecuali dan melainkan kerosakan yang timbul secara langsung akibat kemungkiran atau kecuai melampau yang disengajakan oleh HLB, para pegawai dan pekerjaannya tidak akan dipertanggungjawabkan atas penyediaan maklumat tersebut atau akibat daripada apa-apa pergantungan yang boleh diletakkan pada maklumat yang diberikan menurut perakuan ini;
- (h) memberi persetujuan kepada HLB, atau mana-mana gabungannya, termasuk cawangan untuk berkongsi maklumat saya/kami dengan pihak berkuasa cukai dengan tujuan untuk membolehkan HLB, atau mana-mana gabungannya mematuhi syarat-syarat Akta Pematuhan Cukai Akaun Asing ("FATCA") dan Standard Pelaporan Bersama ("CRS") sebagaimana yang ditentukan oleh undang-undang, peraturan, perjanjian atau garis panduan atau arahan kawal selia yang terpakai.

- Saya/Kami,
- dengan ini mengesahkan bahawa saya/kami telah membaca, memahami, bersetuju dan mengesahkan kandungan semua bahagian **Perakuan dan Persetujuan Privasi Data Pelanggan** termasuk klausa-klausa **Notis Privasi** yang dinyatakan di atas yang terpakai kepada saya/kami yang telah disediakan kepada saya/kami di Laman Web HLB di [www.hlb.com.my/connect\\_privacy\\_notice](http://www.hlb.com.my/connect_privacy_notice).
  - mengesahkan dan mengakui bahawa saya/kami telah membaca, memahami dan menerima perkara berikut, yang salinannya telah disediakan kepada saya/kami:
    - (i) Perjanjian Pemegang Kad HLB;
    - (ii) Terma & Syarat Kad Kredit HLB pilihan saya/kami; dan
    - (iii) Helaian Pendedahan Produk (PDS) Kad Kredit HLB.
  - mengakui bahawa saya/kami telah menerima penjelasan yang mencukupi mengenai syarat penting Helaian Pendedahan Produk Kad Kredit HLB daripada pegawai Bank (tidak berkenaan untuk e-permohonan)
  - dengan ini mengesahkan bahawa saya/kami bersetuju untuk menerima e-Penyata/Invois e-Cukai yang dikeluarkan oleh Bank dan terikat dengan Terma & Syarat Kemudahan e-Penyata dan Invois e-Cukai yang tersedia atas permintaan atau di laman web HLB.
  - dengan ini mengesahkan bahawa saya/kami telah membaca, memahami dan menerima deklarasi yang dinyatakan dalam borang permohonan ini.

**Persetujuan untuk Pemasaran** (Pilihan – Sila tandakan  kotak jika bersetuju)

Saya bersetuju untuk berkongsi data peribadi saya dengan kumpulan syarikat Hong Leong Financial Group Berhad, ejen-ejen, penyedia perkhidmatan dan rakan niaganya, dan untuk menerima komunikasi pemasaran, termasuk tawaran eksklusif dan promosi, daripada mereka.

**Sila Ambil Perhatian:**

- Privasi anda adalah penting bagi kami. Kami hanya akan berkongsi data peribadi anda seperti yang digariskan dalam Notis Privasi kami yang terdapat di [www.hlb.com.my](http://www.hlb.com.my).
- Anda boleh mengemas kini pilihan pemasaran anda di mana-mana cawangan kami. Ia mungkin mengambil masa sehingga 7 hari untuk perubahan berkuat kuasa dan sehingga 8 minggu untuk semua promosi dihentikan.

**PERINGATAN:**

Anda diingatkan untuk membaca dan memahami klausa-klausa Perakuan dan Persetujuan Privasi Data Pelanggan, Perjanjian Pemegang Kad HLB, Terma & Syarat Kad Kredit HLB pilihan anda dan Helaian Pendedahan Produk Kad Kredit HLB sebelum anda menandatangani Borang Permohonan ini dan/atau menyerahkan Borang Permohonan ini (dalam kes e-permohonan).

Jika anda mempunyai sebarang pertanyaan mengenai ciri produk atau terma dan syarat, anda boleh mendapatkan penjelasan daripada kakitangan kami yang membantu anda. Sebagai alternatif, sila e-mel kepada kami di [hlonline@hlbb.hongleong.com.my](mailto:hlonline@hlbb.hongleong.com.my) atau hubungi 03-7626 8899.

Tandatangan Pemohon Kad Utama

x

Tarikh

/   /    
  
 HH BB TTTT

Tandatangan Pemohon Kad Tambahan

x

Tarikh

/   /    
  
 HH BB TTTT

Maklumat rujukan – Nama Perujuk: \_\_\_\_\_

Untuk Kegunaan Bank Sahaja

Saluran [ ] [ ] [ ] [ ] Kempen [ ] [ ] [ ] [ ] Br/Div [ ] [ ] [ ] [ ] (Kod HLB sedia ada) Kod Pasukan [ ] [ ] [ ] [ ] Kod Sumber [ ] [ ] [ ] [ ]

Dilayani : Nama \_\_\_\_\_ No. Staf (angka sahaja) [ ] [ ] [ ] [ ] [ ] [ ]

No. KP Baru Staf: \_\_\_\_\_ No. Telefon: [ ] [ ] [ ] [ ] - [ ] [ ] [ ] [ ] [ ] [ ] [ ] [ ] [ ] [ ]

Catatan/KYC/Cadangan Cagaran Deposit Tetap: \_\_\_\_\_ MMC/MDC Registration No. (untuk Infinite Doctor's Edition sahaja)

	Pemohon Kad Kredit Tambahan Pertama	Pemohon Kad Kredit Tambahan Kedua										
Seorang PEP?	<input type="checkbox"/> Tidak <input type="checkbox"/> Ya	<input type="checkbox"/> Tidak <input type="checkbox"/> Ya										
Seorang RCA kepada PEP?	<input type="checkbox"/> Tidak <input type="checkbox"/> Ya	<input type="checkbox"/> Tidak <input type="checkbox"/> Ya										
Adakah orientasi/permohonan baru ini dilakukan secara bersemuka?	<input type="checkbox"/> Tidak <input type="checkbox"/> Ya	<input type="checkbox"/> Tidak <input type="checkbox"/> Ya										
<b>(Untuk permohonan secara bersemuka)</b> Dengan ini saya mengesahkan bahawa saya telah: <ul style="list-style-type: none"> <li>Membimbing pelanggan untuk membaca Helaian Pendedahan Produk Kad Kredit (PDS)</li> <li>Mendapatkan salinan Kad Pengenalan pelanggan dan dokumen pendapatan yang berasal dari pelanggan</li> <li>Menyemak alamat tempat kerja/kediaman pelanggan berada dalam jarak 50km dari cawangan</li> <li>Menyemak maklumat di bawah:                             <table border="0"> <tr> <td><input type="checkbox"/> Nama Penuh &amp; No. Kad Pengenalan Baharu</td> <td><input type="checkbox"/> Dokumen yang dihantar</td> </tr> <tr> <td><input type="checkbox"/> Nama &amp; Maklumat Hubungan Majikan</td> <td><input type="checkbox"/> Borang Permohonan</td> </tr> <tr> <td><input type="checkbox"/> Jawatan/Jenis Perniagaan</td> <td><input type="checkbox"/> Terma &amp; Syarat</td> </tr> <tr> <td><input type="checkbox"/> Jenis kad Kredit yang dipohon</td> <td><input type="checkbox"/> Alamat Kediaman/Mel</td> </tr> <tr> <td><input type="checkbox"/> Kelulusan pengesahan biometrik</td> <td></td> </tr> </table> </li> </ul>	<input type="checkbox"/> Nama Penuh & No. Kad Pengenalan Baharu	<input type="checkbox"/> Dokumen yang dihantar	<input type="checkbox"/> Nama & Maklumat Hubungan Majikan	<input type="checkbox"/> Borang Permohonan	<input type="checkbox"/> Jawatan/Jenis Perniagaan	<input type="checkbox"/> Terma & Syarat	<input type="checkbox"/> Jenis kad Kredit yang dipohon	<input type="checkbox"/> Alamat Kediaman/Mel	<input type="checkbox"/> Kelulusan pengesahan biometrik		<b>Pengesahan KYC dilakukan oleh:</b> (Sales Personnel) Nama: _____ Tarikh: _____ Masa: _____	Tandatangan: _____  _____
	<input type="checkbox"/> Nama Penuh & No. Kad Pengenalan Baharu	<input type="checkbox"/> Dokumen yang dihantar										
<input type="checkbox"/> Nama & Maklumat Hubungan Majikan	<input type="checkbox"/> Borang Permohonan											
<input type="checkbox"/> Jawatan/Jenis Perniagaan	<input type="checkbox"/> Terma & Syarat											
<input type="checkbox"/> Jenis kad Kredit yang dipohon	<input type="checkbox"/> Alamat Kediaman/Mel											
<input type="checkbox"/> Kelulusan pengesahan biometrik												
	<b>Diperiksa &amp; disemak oleh:</b> (Sales/Branch Manager/CSOM) Nama: _____ Tarikh: _____ Masa: _____	Tandatangan: _____  _____										

# HELAIAN PENDEDAHAN PRODUK

(English Version)



Pelanggan yang dihormati,

Helaian Pendedahan Produk (PDS) ini memberikan anda maklumat penting mengenai Kad Kredit HLB anda.

Pelanggan lain telah membaca PDS ini dan mendapatinya amat membantu; **anda juga patut membacanya.**

Tarikh:

## 1. Apakah itu Kad Kredit Hong Leong?

Kad Kredit HLB (Kad) digunakan terutamanya untuk pembayaran barangan dan perkhidmatan. Sekiranya mana-mana jumlah kredit yang digunakan oleh Pemegang Kad tidak dijelaskan sepenuhnya pada atau sebelum tarikh akhir pembayaran, jumlah yang belum dijelaskan itu akan dikenakan caj kewangan. Setiap Kad didatangkan dengan had kredit yang diluluskan oleh Bank, berdasarkan kelayakan anda.

Kelayakan Permohonan:

1. Pendapatan Tahunan Minimum: RM24,000 setahun untuk Pemegang Kad utama yang baharu.
2. Pemegang Kad baharu dan sedia ada yang berpendapatan RM36,000 setahun atau kurang: Anda dibenarkan untuk memiliki kad kredit daripada **maksimum dua (2) pengeluaran kad** dan had kredit maksimum yang boleh diberikan oleh setiap pengeluaran adalah **dua (2) kali ganda pendapatan bulanan anda.**

## 2. Ketahui Kewajipan Anda

Sebagai ilustrasi untuk Kad ini,

- Had kredit anda: RM5,000
- Baki penyata anda: RM400
- Bayaran minimum anda: RM50
- Tarikh akhir pembayaran: 20hb November

1. Jika anda bayar **keseluruhan baki penyata RM400** sebelum **20hb November**, tiada caj faedah dikenakan.
2. Jika anda hanya memilih untuk membayar **minimum RM50** sebelum **20hb November**, baki tertunggak anda akan dikenakan **caj faedah harian pada kadar 15%/17%/18% setahun** (bergantung pada sejarah pembayaran).
3. Ini akan menambahkan caj kewangan sekitar **RM6** ke dalam penyataan yang seterusnya, dan anda tidak lagi akan menikmati tempoh tanpa faedah bagi setiap transaksi baharu yang dibuat.

Anda bertanggungjawab untuk:

- Membaca dan memahami **terma-terma** penting dalam **kontrak** sebelum menandatangani.
- Membayar **baki tertunggak** anda tepat pada masanya.
- **Hubungi kami dengan segera** jika anda tidak dapat membayar ansuran bulanan/baki tertunggak anda.

Anda dikehendaki membayar fi dan caj berikut:

- **Caj Bayaran Lewat:** Minimum RM10 atau 1% daripada jumlah baki tertunggak pada tarikh penyata termasuk Akaun Pemindahan Baki, yang mana lebih tinggi, tertakluk pada maksimum RM100.
- **Fi Penggantian Kad:** RM50 setiap Kad
- **Bayaran Minimum Bulanan:**
  - a. Bayaran minimum bulanan yang dikenakan adalah A) RM50 ATAU B) 5% daripada jumlah baki tertunggak (yang mana lebih tinggi).
  - b. 100% daripada semua ansuran bulanan (contoh: Pelan Bayaran Lanjutan, Penukaran Baki Automatik dan sebagainya).
  - c. 100% daripada Cukai.
  - d. 100% daripada sebarang jumlah yang melebihi had kredit anda.
  - e. Sebarang bayaran minimum yang belum dijelaskan dari bulan sebelumnya.
- Sebagai **Pemegang Kad Utama**, anda bertanggungjawab ke atas semua baki tertunggak bagi kedua-dua Kad Utama dan mana-mana Kad Tambahan.
- Sebagai **Pemegang Kad Tambahan**, anda hanya bertanggungjawab ke atas baki tertunggak yang ditanggung pada Kad sendiri.



Imbas kod QR untuk senarai lengkap Fi & Caj

### Anda bertanggungjawab untuk:

- mematuhi terma dan syarat penggunaan Kad;
- mengambil langkah-langkah untuk memastikan Kad dan PIN anda sentiasa selamat, termasuk di kediaman anda. Anda dilarang:
  - a. berkongsi butiran Kad atau PIN dengan sesiapa pun;
  - b. mencatat PIN pada Kad, atau pada sebarang barangan yang disimpan berdekatan dengan Kad;
  - c. menggunakan PIN yang berdasarkan butiran peribadi anda: tarikh lahir, nombor kad pengenalan, pasport, lesen memandu atau nombor telefon; dan
  - d. membenarkan orang lain menggunakan Kad dan PIN anda.
- segera memaklumkan Bank jika Kad hilang, dicuri, PIN terjejas, atau apabila anda mengesan transaksi tanpa kebenaran.
- memaklumkan kepada Bank dengan segera setelah menerima Notifikasi melalui aplikasi HLB Connect, khidmat pesanan ringkas (SMS) dan/atau e-mel sekiranya transaksi tersebut adalah tanpa kebenaran;
- segera memaklumkan Bank mengenai sebarang perubahan pada nombor telefon anda;
- menggunakan Kad secara bertanggungjawab, termasuk tidak menggunakan Kad untuk sebarang aktiviti yang menyalahi undang-undang; dan
- menyemak penyata akaun dan melaporkan sebarang percanggahan tanpa kelewatan yang tidak wajar.

### 3. Ketahui Risiko Anda

#### Apakah yang akan berlaku jika anda mengabaikan tanggungjawab anda?

- Anda akan **membayar lebih secara keseluruhan** akibat caj bayaran lewat dan faedah kompaun.
- Kami boleh **memotong** wang daripada akaun simpanan anda dengan kami untuk menolak baki tertunggak Kad anda.
- Kami boleh **mengambil tindakan undang-undang** terhadap anda.
- **Skor kredit** anda mungkin terjejas, yang menyebabkan anda lebih sukar atau lebih mahal untuk mendapatkan kemudahan kredit pada masa hadapan.
- **Hak untuk menolak:** Pihak Bank boleh memperuntukkan dan/atau menolak dana dalam baki kredit / akaun deposit yang diselenggara dengan kami untuk menyelesaikan baki tertunggak dalam akaun Kad ini. Pihak Bank akan memberikan notis tujuh (7) hari kalendar sebelum sebarang tindakan diambil.
- Anda bertanggungjawab ke atas transaksi tanpa kebenaran jika anda:
  - a. melakukan pemalsuan atau enggan bekerjasama dengan kami dalam siasatan;
  - b. gagal melindungi Kad dan PIN anda, contohnya berkongsi dengan sesiapa, mencatat PIN berdekatan dengan Kad; atau meninggalkan Kad atau peranti keselamatan anda tanpa pengawasan;
  - c. lewat melaporkan kehilangan, kecurian, atau penyalahgunaan Kad, PIN, peranti keselamatan atau sebarang pelanggaran keselamatan lain pada butiran perbankan anda.
- Anda perlu mengambil langkah berjaga-jaga yang sewajarnya dalam melindungi Kad anda pada setiap masa, walaupun di kediaman anda, kerana kami berhak untuk menamatkan Kad atas sebarang pelanggaran terma dan syaratnya.

### 4. Terma-terma Utama Lain

- Adalah penting bagi anda untuk memaklumkan kami tentang sebarang perubahan butiran perhubungan anda untuk memastikan surat-menyurat diterima tanpa lewat. Kemas kini juga boleh dibuat secara dalam talian melalui Perbankan Dalam Talian Hong Leong Connect dengan memilih 'Settings', kemudian 'Update Contact Info'.
- Kad diaktifkan secara automatik untuk membayar Transaksi Berkaitan Tol dengan mengimbaskan Kad pada terminal pembayaran di plaza tol di lebuhraya atau lebuhraya ekspres.
- Anda mengakui dan bersetuju sepenuhnya bahawa pembayaran tol akan dimulakan oleh Touch n' Go Group dengan kebenaran pembayaran tertunda yang mungkin berpotensi mengakibatkan perbezaan antara tarikh dan masa caj tol dengan tarikh dan masa transaksi sebenar.

Untuk sebarang pertanyaan atau bantuan mengenai Kad anda, anda boleh:



Hubungi kami di:  
03-7626 8899



Layari laman kami di:  
[www.hlb.com.my](http://www.hlb.com.my)



Emel kami di:  
[hlonline@hlbb.hongleong.com.my](mailto:hlonline@hlbb.hongleong.com.my)



Imbas kod QR untuk  
maklumat lanjut